

## Menyingkap Perihal Intelektualisme dan Falsafah Islam dalam Novel *Penyeberang Sempadan* Karya Anwar Ridhwan: Analisis Persuratan Baru

Unraveling Intellectualism and Islamic Philosophy in Anwar Ridhwan's Novel *Penyeberang Sempadan*: A  
Persuratan Baru Analysis

NUR FATIHA FADILA ABU BAKAR

### ABSTRAK

*Makalah ini bertitik tolak daripada resepsi-resepsi kritis yang dikemukakan para sarjana dan pengkritik sastera terhadap novel Anwar Ridhwan yang berjudul *Penyeberang Sempadan*. Pemerhatian terhadap resepsi kritis antaranya mendapati wujud kecenderungan para sarjana dan pengkritik sastera yang menganggap *Penyeberang Sempadan* sebagai novel yang sarat dengan wacana serta pemikiran intelektual, dan memperagakan falsafah Islam. Kecenderungan ini mengundang penelitian lanjut terhadap persoalan intelektualisme dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Sehubungan itu, makalah ini hadir bertujuan untuk menganalisis novel *Penyeberang Sempadan*, dan seterusnya merumuskan soal intelektualisme dan falsafah Islam yang dikatakan terkandung di dalamnya. Bagi mencapai objektif ini, makalah ini menerapkan Persuratan Baru (seterusnya PB) sebagai kerangka analisis. Pilihan ini didasarkan kepada idea-idea pokok PB yang menangani soal ilmu dan intelektualisme berdasarkan pandangan alam Islam. Ini sesuai dengan hakikat novel sebagai karya cetusan seorang sasterawan Muslim yang memperakukan pentingnya Islam sebagai teras pengkaryaan. Selain itu, pemilihan turut didasarkan kepada idea PB yang membezakan secara jelas antara 'ilmu' dengan 'cerita', dan mengutamakan 'ilmu' berbanding dengan 'cerita'. Lebih penting lagi ialah falsafah PB yang berteraskan kerangka taklif. Falsafah ini dianggap sesuai dengan tradisi Islam yang mendasari kesusasteraan Melayu termasuklah novel *Penyeberang Sempadan*. Dengan menerapkan idea-idea PB, makalah ini berhasil merumuskan soal intelektualisme dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Intihanya, kajian ini mendapati bahawa apa yang diperagakan sebagai 'falsafah', 'idea', 'wacana' dan 'pemikiran' bersifat intelektual ini dimanifestasikan melalui cerita dan penggemblengan alat-alat penceritaan, sekali gus menyimpang daripada hakikat sebenar pengertian 'intelektual' dan 'intelektualisme'. Tidak kurang pentingnya, *Penyeberang Sempadan* turut didapati cenderung memperagakan kejahilan watak-watak Islam.*

*Kata kunci : Intelektualisme, Persuratan Baru, taklif, 'ilmu'-'cerita'*

### ABSTRACT

*This paper is founded on the scholarly and literary critiques of the novel *Penyeberang Sempadan* by Anwar Ridhwan. The observation of critical reception revealed a tendency among scholars and literary critics to view *Penyeberang Sempadan* as a novel replete with intellectual discourse and Islamic philosophy. This tendency invites further study of intellectualism in the novel. Consequently, this paper aims to analyse the novel *Penyeberang Sempadan* and then formulate its alleged intellectualism and Islamic philosophy. To accomplish these aims, this paper employs Persuratan Baru (henceforth PB) as its analytical framework. This choice is based on the central ideas of PB, which deal with knowledge and intellectualism from an Islamic worldview, making PB suitable for a work by a Muslim author who acknowledges the significance of Islam in his work. Moreover, the selection is based on the concept of PB, which distinguishes between 'knowledge' and 'story' and prioritises the former over the latter. More important is the foundation of PB, which is based on the taklif framework. This philosophy is consistent with the Islamic tradition that forms the basis of Malay literature, including the novel *Penyeberang Sempadan*. This paper successfully formulates the issue of intellectualism in the novel by employing PB's ideas. This study discovered that the 'philosophy', 'ideas', 'discourse', and 'thoughts' of an intellectual are manifested through stories and the manipulation of narrative tools, thus departing from the essence of the terms 'intellectual' and 'intellectualism'. *Penyeberang Sempadan* also demonstrates the ignorance of Muslim characters, which is not less significant.*

*Keywords: Intellectualism, Persuratan Baru, taklif, 'knowledge-' 'story'*

## PENGENALAN

Novel *Penyeberang Sempadan* (seterusnya *PS*) merupakan novel kelima Anwar Ridhwan. Novel ini terhasil daripada penyertaan Anwar dalam Sayembara Hadiah Sako 3 (2011) dan menang hadiah pertama kategori Novel Nasional. Pada 2012, novel *PS* turut memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Justeru, kehadiran novel ini diiringi dengan perakuan daripada kedua-dua sayembara yang secara umum dianggap berprestij. Menurut *Laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2012* (seterusnya *LHSPM 2012*), *PS* merupakan sebuah novel yang sarat dengan ‘wacana ideologi’ (ungkapan *LHSPM 2012* sendiri). Ini dimanifestasikan menerusi cerita dalam novel yang dianggap telah diisi dengan beberapa ideologi seperti komunisme, sosialisme dan demokrasi. *LHSPM 2012* juga berpendapat bahawa ‘wacana ideologi’ *PS* turut dimanifestasikan dengan jelas pada cerita tentang protagonisnya yang dikatakan berusaha mendapatkan kemerdekaan dengan mengembara ke beberapa buah negara berideologi seperti China, Rusia dan Amerika. Kepelbagaian latar ini menjadikan *PS* turut dilabel sebagai novel antarabangsa, sebagaimana yang diungkapkan *LHSPM 2012*:

Bagi merealisasikan perjuangan tersebut, dia menyertai Angkatan Pemuda Insaf (API) sebelum terpaksa melarikan diri ke Betong, kemudian ke China, Rusia dan Amerika. Di setiap tempat yang dikunjungi dan didiaminya, dia dapat menyelami dan menganalisis situasi sebenar negara yang menjadi pendukung ideologi komunisme, sosialisme dan demokrasi.... *Novel ini memiliki sifat antarabangsa bukan sahaja dari segi penggunaan latar di luar negara, sebaliknya kerana subjek yang diwacanakan oleh pengarang adalah bersifat sejagat (LHSPM 2012: 22).*

Dengan tanggapan bahawa novel ini bersifat ‘antarabangsa’ seperti terdapat dalam frasa yang dicondangkan dalam petikan di atas, laporan mewajarkan pengiktirafan terhadapnya. Selain itu dan lebih penting lagi ialah kehadiran ‘wacana ideologi’ yang dikatakan mengisi setiap latar tersebut. Sehubungan itu, dapatlah dikatakan bahawa kehadiran *PS* sebagai ‘novel wacana’, adalah diperakukan, dan justeru melayakkannya menerima pengiktirafan-pengiktirafan seperti yang disebutkan sebelum ini.

Seiring dengan perakuan daripada laporan seperti dinyatakan sebelum ini, keistimewaan novel *PS* turut mengundang beberapa resepsi kritis daripada pengkaji-pengkaji sastera, yang

juga cenderung memperakukan *PS* sebagai ‘novel wacana’. Umpamanya, Mohd. Hanafi Ibrahim (2013) (seterusnya Mohd. Hanafi), cenderung memperakukan *PS* sebagai ‘novel wacana’ kerana dianggap mengemukakan ideologi-ideologi tertentu. Ini merujuk kepada ideologi komunisme, sosialisme dan demokrasi. Menurut Mohd. Hanafi, ideologi-ideologi ini telah dikemukakan secara mendalam, sebagaimana yang diungkapkannya, “Ideologi komunisme, sosialisme dan demokrasi dibahaskan....Pelbagai bentuk kepalsuan dogma dan isme telah dikemukakan” (Mohd. Hanafi 2013: 11). Ini diikuti dengan perakuan S.M. Zakir (2014) (seterusnya Zakir) yang cenderung memperakukan *PS* sebagai ‘novel ilmu’, dan dianggap meneroka ideologi-ideologi Barat seperti sosialisme, komunisme, demokrasi, selain ajaran Islam (Zakir 2014: 75). Menurut Zakir, *PS* hadir sebagai satu medan wacana yang membahaskan secara kritis ideologi dan falsafah daripada dua pandangan alam yang berbeza, iaitu Barat dan Islam. Lebih penting lagi, Zakir berpendapat bahawa *PS* mengajukan Islam sebagai satu agama yang benar, sebagaimana yang ditulisnya:

Matlamat pemikiran beliau [Anwar Ridhwan] dalam *Penyeberang Sempadan* ialah untuk memperlihatkan tentang ukuran kebenaran perjuangan adalah datangnya melalui hidayah yang membawa kebenaran Islam yang mutlak. Anwar Ridhwan secara tegas dan tuntas meletakkan Islam sebagai ukuran kebenaran kepada perjuangan manusia untuk membebaskan diri mereka bukan sahaja terhadap penjajahan fizikal tetapi juga penjajahan ideologi duniawi (Zakir 2014: 76).

Dengan kata lain, *PS* menurut kaca mata Zakir merupakan sebuah novel ‘wacana ilmu’ yang memperjuangkan ‘kebenaran Islam’. Seiring dengan itu, Mohamad Rosmizi et al. (2020) (seterusnya Mohamad) turut memperakukan novel *PS* sebagai ‘novel ilmu’. Menurut Mohamad, *PS* adalah manifestasi ketajaman pemikiran dan intelektualiti Anwar Ridhwan sebagai pengarang, justeru layak menjadi contoh dalam dunia kepengarangan khususnya bagi konteks penghasilan karya bermutu serta bernilai tinggi kepada pembangunan institusi masyarakat (Mohamad et al. 2020: 72, 85). Kenyataan Mohamad et al. ini dilihat dengan jelas memperlihatkan kecenderungan beliau memperakukan *PS* sebagai ‘novel idea’ atau ‘novel ilmu’. Turut signifikan ialah pandangan Mohamad et al. tentang penekanan aspek nilai dalam karya-karya Anwar Ridhwan termasuklah *PS*, yang dianggap sarat dengan apa yang disebutnya sebagai

‘nilai murni’ (Mohamad et al. 2020: 82). Berdasarkan resepsi-resepsi kritis ini, dapatlah dikatakan bahawa *PS* diperakukan oleh para pengkaji sastera sebagai ‘novel wacana’ yang bersifat ‘intelektual’ dan diisi dengan ‘nilai murni’.

Selain perakuan sarjana, pengkritik sastera dan laporan panel anugerah tentang ‘intelektualisme’ dalam novel Anwar Ridhwan (seterusnya Anwar) seperti di atas, makalah ini mendapati beliau sendiri dalam beberapa tulisan mengakui kepentingan ‘intelektualisme’ dalam kegiatan sasteranya. Dalam satu wawancara yang dilakukan Sahlan Mohd. Saman pada tahun 1993, Anwar menegaskan bahawa pentingnya fungsi karya sastera untuk menyuntik nilai-nilai ‘intelektual’ kepada pembaca. Dalam konteks ini, Anwar menegaskan bahawa karya sastera yang bermutu dapat memainkan peranannya sebagai wadah ‘intelektual’ yang dapat memberikan sumbangan terhadap kehidupan manusia (dalam Ahmad Khamal Abdullah 1993: 55-58). Tidak kurang penting, Anwar turut menegaskan bahawa novel-novelnya ditulis dalam konteks Melayu-Islam (Anwar 1999: 17). Oleh itu, dapatlah disebut bahawa novel-novel Anwar bukan sahaja dianggap ‘intelektual’ tetapi juga dilingkungi budaya Melayu-Islam, termasuklah novel *Penyeberang Sempadan*. Sehubungan itu, tidaklah keterlaluan untuk menyatakan bahawa, Anwar secara sedar memanfaatkan karya-karya sastera beliau sebagai satu wadah ‘intelektual’. Dengan mengambil kira kesedaran Anwar inilah, maka tidak hairanlah jika novel *Penyeberang Sempadan*, hasil nukilannya dikatakan sarat dengan nilai ‘intelektual’, sebagaimana yang diperlihatkan dalam tulisan para sarjana dan pengkritik sastera yang dibincangkan sebelum ini.

#### MATLAMAT KAJIAN

Perbincangan awal tentang novel *Penyeberang Sempadan* seperti yang dilakukan di atas, dapat dianggap menyerlahkan beberapa kecenderungan yang penting. Pertama, terdapat sarjana dan pengkritik sastera yang memperakukan ‘intelektualisme’ dalam novel *Penyeberang Sempadan* seperti Mohamad Rosmizi et al. (2020), S.M. Zakir (2014) dan Hanafi Ibrahim (2013). Kenyataan ini dilihat telah diperkuatkan lagi dengan *Laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2012*, yang menjadikan ‘intelektualisme’ sebagai kekuatan novel Anwar. Selain perakuan sarjana dan pengkritik sastera, Anwar sendiri didapati telah memperakukan kepentingan ‘intelektualisme’ dalam penulisannya.

Berdasarkan pengamatan terhadap tulisan-tulisan sedia ada tentang novel *Penyeberang Sempadan* seperti di atas, makalah ini telah mengenal pasti satu permasalahan yang dianggap penting dan menuntut kepada satu pengkajian ilmiah yang serius. Ini merujuk kepada soal kehadiran ‘intelektualisme’ dalam novel *Penyeberang Sempadan* seperti yang diperakukan oleh pengkaji dan sarjana sastera. Walau bagaimanapun, makalah ini mendapati bahawa perakuan-perakuan ini hanya berupa ulasan atau kenyataan umum dan tidak diuji dalam satu kajian ilmiah yang sistematik dan komprehensif khusus tentang aspek intelektualisme. Lebih penting lagi, rata-rata ulasan dan kenyataan tersebut, sehingga kini belum lagi diuji dalam satu kajian ilmiah berdasarkan kepada satu kerangka analisis yang secara khusus memberikan penekanan terhadap soal ilmu, pemikiran dan intelektualisme.

Lanjutan daripada perbincangan di atas, makalah ini hadir dengan tujuan meneliti perkara ini. Justeru, makalah ini berusaha untuk merungkai persoalan tentang kebenaran novel *Penyeberang Sempadan* yang ditulis Anwar ini, iaitu sama ada benar sarat dengan ‘intelektualisme’ seperti yang digambarkan laporan hadiah sastera dan resepsi kritis sedia ada, dan sekiranya benar maka bagaimanakah ‘intelektualisme’ itu dimanifestasikan dalam *Penyeberang Sempadan*. Oleh itu, bagi merungkakan permasalahan tersebut, kajian dalam makalah ini digubah bagi mencapai dua objektif, iaitu untuk menganalisis isian wacana dan isian cerita dalam novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan, serta merumuskan soal intelektualisme dan nilai Islam dalam novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan.

#### PERSURATAN BARU SEBAGAI KERANGKA ANALISIS

Bagi mencapai objektif-objektif di atas, makalah ini memilih gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) cetusan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) sebagai kerangka analisis. Sebagai permulaan, PB adalah satu gagasan pemikiran yang berteraskan Islam, serta memberikan perhatian yang signifikan terhadap aspek ilmu dan pemikiran, ini termasuklah soal intelektualisme yang menjadi fokus makalah ini. Perbincangan pada tahap ini akan dimulakan dengan perincian tentang faktor pemilihan PB sebagai kerangka untuk menganalisis novel *Penyeberang Sempadan*. Pemilihan PB ini didasarkan kepada beberapa pertimbangan penting. Pertama, dan seperti yang telah diperlihatkan

sebelum ini, terdapat perakuan-perakuan tentang wujudnya intelektualisme dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Walau bagaimanapun, semua perakuan ini hadir dalam bentuk ulasan dan kenyataan umum, dan justeru tidak menawarkan perbincangan yang komprehensif tentang intelektualisme. Dalam konteks inilah, pemilihan PB sebagai kerangka analisis makalah ini dilihat sebagai satu pilihan yang tepat dan relevan. Ini kerana PB merupakan kerangka analisis karya sastera yang memberikan penekanan terhadap aspek 'intelektualisme', atau yang sedia diungkapkan (dalam konteks PB) sebagai 'ilmu' atau 'wacana'. Kedua, kedudukan PB sebagai satu kerangka analisis cetusan tokoh tempatan iaitu Mohd. Affandi Hassan, menjadikannya relevan dengan seruan Anwar sendiri supaya karya-karya sastera Melayu termasuk karya-karyanya sendiri, dianalisis menggunakan kerangka analisis tempatan yang dianggap lebih dekat, relevan serta dapat berlaku adil, berbanding dengan kerangka-kerangka analisis Barat (Anwar 2013: 22). Ketiga, seperti yang disoroti sebelum ini, novel *Penyeberang Sempadan* dikatakan mengandungi unsur dan nilai Islam. Ini menjadikan novel *Penyeberang Sempadan* bukan sahaja dianggap 'intelektual', tetapi dan tidak kurang penting ialah sifat Islam yang memberi nilai tambah kepadanya. Sehubungan itu pemilihan kerangka analisis ini dianggap tepat dan relevan kerana, termasuk dalam perbincangan PB tentang penilaian intelektualisme ialah persoalan moralnya yang sejajar dengan konsep *ilmu yang benar*, seperti yang akan dijelaskan nanti. Kesemua ini menjadikan pemilihan PB yang juga tertegak atas falsafah Islam sebagai satu kerangka yang tepat untuk menganalisis novel *Penyeberang Sempadan*.

Sebagai sebuah kerangka analisis karya sastera, gagasan PB dapat dikatakan sudah mantap. Ini dikatakan sedemikian apabila PB didapati telah diuji dalam pelbagai kajian ilmiah dan analisis teks sastera, serta dilihat tidak terhad kepada sastera Melayu tetapi juga sastera antarabangsa. Selain itu, kajian dan perbincangan mengenai PB juga dapat dikatakan sudah mantap kerana dilakukan dalam banyak kesempatan dan dilihat telah diterapkan dalam banyak kajian ilmiah. Oleh itu, tidak perlu bagi makalah ini mengulang secara keseluruhan idea PB, memadai untuk digariskan beberapa idea pokok PB, terutamanya idea-idea yang akan diterapkan dalam analisis makalah ini tentang novel *Penyeberang Sempadan*.

Seperti yang dinyatakan tadi, PB tertegak atas falsafah Islam iaitu *taklif*. Ini merujuk soal perjanjian

manusia kepada Allah SWT ketika di alam Roh (*primordial contract*), iaitu untuk mengabdikan diri dan beribadah kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, PB menjadikan matlamat bagi segala urusan kehidupan manusia adalah semata-mata untuk beribadah kepada Allah SWT. Falsafah *taklif* ini kemudiannya memayungi tiga hakikat PB, iaitu Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, serta Hakikat dan Fungsi Sastera.

Dalam konteks Hakikat Insan, kesedaran manusia berhubung *taklif* menjelaskan tujuan manusia diciptakan adalah untuk menyerahkan diri sepenuhnya sebagai hamba Allah SWT (*total submission*). Ini disusuli dengan manifestasi penyembahan kepada Allah SWT, iaitu dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dalam segenap aspek kehidupan manusia (Mohd. Affandi 2005: 15). Lanjutan itu, Hakikat Ilmu dan Amal pula menjelaskan tentang tujuan ilmu dalam Islam, tidak lain adalah untuk mengenali Allah SWT dan membolehkan manusia beribadah kepada Allah SWT dengan yakin dan sempurna. Oleh itu, perbuatan yang tidak berlandaskan *ilmu yang benar* akan mendorong manusia kepada kejahatan, sia-sia dan kerugian di sisi Allah SWT (Mohd. Affandi 2005: 19-20). Sehubungan itu, PB mengkonsepsikan pengertian *ilmu yang benar* sebagai ilmu yang dapat mendekatkan manusia kepada Allah SWT, dan mendorong manusia melakukan ibadah dengan yakin dan sempurna. Oleh itu, dan dengan falsafah *taklif*, Hakikat dan Fungsi Sastera menjelaskan tentang kedudukan sasterawan yang tidak terlepas daripada melaksanakan tanggungjawab ibadah kepada Allah SWT. Justeru, PB memperakukan kegiatan penulisan sebagai ibadah kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, ibadah dalam kegiatan penulisan dilakukan dengan menyampaikan *ilmu yang benar*. Dalam konteks intelektualisme (atau turut digunakan secara longgar sebagai 'pemikiran') yang menjadi fokus makalah ini, ukuran *ilmu yang benar* menurut PB turut menentukan tahap pemikiran dan intelektualisme sesebuah karya. Dengan kata lain, pemikiran dan intelektualisme sesebuah karya itu dianggap terhakis sekiranya nilai moral yang diperagakannya itu bertentangan dengan konsep *ilmu yang benar*.

Dalam konteks PB, tanggungjawab sasterawan menyampaikan *ilmu yang benar* ini adalah seiring dengan pengertian *qalam* yang terkandung dalam Surah al-'Alaq, Ayat 4-5. Menurut pemahaman Mohd. Affandi, *qalam* dalam konteks ayat ini

merujuk kepada *pena* iaitu alat untuk menulis yang digunakan bagi menyampaikan *kebenaran* di sisi Allah SWT. Oleh itu, kesusasteraan yang terhasil daripada penggunaan *qalam* ini dengan sendirinya tertegak atas matlamat menyampaikan kebenaran Allah SWT, sehingga membolehkan manusia dapat membezakan antara kebaikan dan kejahatan (Mohd. Affandi 2005: 23). Sehubungan itu, dan dalam konteks kesusasteraan, penerapan falsafah *taklif* meletakkan kegiatan sastera sebagai satu kegiatan ibadah, dan oleh itu haruslah bertunjangkan ‘pemikiran’ serta asas ilmu, dan bukannya lahir daripada perasaan atau khalayak sasterawan.

Dalam hal ini, PB mengkonsepsikan pemikiran dalam bentuk wacana, yang merujuk kepada hujah-hujah intelektual yang dikemukakan hasil daripada pengutaraan idea, penghuraian dan penjelasan contoh, analisis dan rumusan yang jitu, yang kesemuanya digembleng bagi menghadirkan sebuah ‘wacana’ ilmiah yang mantap. Penekanan terhadap wacana ini dengan sendirinya menjadikan cerita bukan lagi matlamat penulisan, tetapi hanya sebagai alat untuk menyampaikan wacana. Oleh itu, peranan, kedudukan dan manipulasi cerita dikawal ketat oleh keperluan untuk membangunkan wacana. Dalam konteks ini, cerita merujuk kepada manipulasi alat-alat penceritaan yang digembleng secara serius seperti watak dan perwatakan, gaya bahasa dan konflik. Pada tahap ini, dapatlah difahami bahawa PB membezakan antara ‘ilmu’ dengan ‘cerita’, dan seterusnya mengutamakan ‘isian wacana’ berbanding dengan ‘isian cerita’ dalam pengkonsepsian dan perungkaiian karya sastera. Prinsip isian wacana-isian cerita ini memungkinkan keutamaan sesebuah karya sastera dikenal pasti, iaitu sama ada dibangunkan dengan ‘ilmu’ atau ‘cerita’.

Bagi mengenal pasti keutamaan wacana dan manipulasi cerita, PB turut mengemukakan konsep ‘paksi naratif’ (*narrative axis*) yang dikonsepsikan sebagai ‘pendirian’ (*stance*) yang mencerminkan pandangan dan kecenderungan teks terhadap sesuatu isu, tema atau persoalan yang digarap dalam sesebuah karya. ‘Pendirian’ ini dapat dikenal pasti secara jelas melalui penekanan, keutamaan dan pemberatan sesebuah cerita atau naratif yang dimanifestasikan melalui penggemblengan alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, peristiwa dan konflik. Selain itu, PB turut mengutarakan konsep ‘ruang naratif’ (*narratives space*). Konsep ‘ruang naratif’ ini mengkonsepsikan teks sebagai satu ‘ruang’ neutral yang diwujudkan melalui

bahagian awal dan bahagian akhir cerita. Sebagai satu ‘ruang’, teks sastera seperti novel dapat diisi dengan ‘isian cerita’ dan ‘isian wacana’, dengan pengertian masing-masing yang sudah dijelaskan di atas. Dengan konsep ‘ruang naratif’ ini, keutamaan sesebuah teks sastera seperti novel, sama ada terhadap ‘cerita’ atau ‘wacana’/‘ilmu’ akan dapat dikenal pasti secara jelas dan objektif. Sehubungan itu dan dalam konteks makalah ini, analisis dibahagikan kepada tiga subjudul berdasarkan prinsip-prinsip yang dilakarkan PB iaitu; Pengejapan Paksi Naratif dan Pembentukan Ruang Naratif, Penggemblengan Isian Cerita, dan Penilaian Moral Cerita. Kesemua subjudul ini akan digembleng bagi mencapai objektif makalah ini, iaitu untuk menganalisis isian wacana dan isian cerita dalam novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan, serta merumuskan soal intelektualisme dan nilai Islam dalam novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan.

#### PERIHAL INTELEKTUALISME DALAM *PENYEBERANG SEMPADAN*: PENGEJAPAN PAKSI NARATIF DAN PEMBENTUKAN RU- ANG NARATIF

Pada tahap ini, analisis akan memberi tumpuan kepada soal pengejapan paksi naratif dan pembentukan ruang naratif dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Perbincangan ini pada akhir nanti akan memperlihatkan kecenderungan novel, iaitu sama ada kepada pembinaan ‘intelektualisme’ dengan isian wacana seperti telah dijelaskan sebelum ini, atau sebaliknya. Penelitian ini akan tertumpu kepada aspek-aspek luaran novel. Antara aspek luaran yang signifikan ialah petikan pada bahagian ransang sari novel (*blurb*), yang menghadirkan ungkapan berikut, “*PS* disulami naratif magis tentang protagonis yang mengaku sebagai pembela dan pejuang tanah air; penyeberang sempadan geografi dan ideologi yang pada akhirnya tiba semula pada asal usul ‘kebenaran’ (Anwar 2012). Dalam konteks ini ‘kebenaran’ yang dimaksudkan ialah ‘kebenaran Islam’ atau ‘ketuhanan’ (tauhid). Pengamatan terhadap petikan ransang sari yang dicetak di kulit belakang novel ini mengundang beberapa pengamatan penting. Pertama, tentang ceritanya yang dikatakan berlegar mengenai protagonis yang menyeberangi sempadan geografi dan ideologi, dan akhirnya kembali kepada asal usulnya yang benar. Kenyataan ini mengundang pemahaman bahawa cerita yang bakal diutarakan dalam novel

ini berlegar tentang perkelanaan protagonis yang meragui ‘kebenaran’ yang diwarisinya, dan justeru berkelana melewati ideologi-ideologi yang berbeza, dan akhirnya kembali kepada asal usulnya iaitu Islam. Kedua, pemahaman terhadap ransang sari ini turut disokong oleh petikan (*caption*) yang tercetak pada kulit depan novel yang mengungkapkan, “di seberang sana ada kebenaran itulah misi dan visi kehidupan’. Daripada petikan ini, dapat difahami bahawa perkelanaan protagonis itu didorong oleh matlamat kehidupannya untuk mencari ‘kebenaran’ (Anwar 2012).

Sebagaimana yang sedia dinyatakan dalam ransang sari, ‘kebenaran’ itu dirujuk kepada asal usulnya. Dengan kata lain, berdasarkan kepada petikan ransang sari seperti di atas, dapat dijangkakan bahawa cerita dalam *PS* berlegar tentang kegelisahan protagonis yang meragui ‘kebenaran’ asal usulnya, lantas keluar berkelana dari satu sempadan ideologi ke satu ideologi, dan akhirnya kembali kepada asal usulnya yang diyakini sebagai satu ‘kebenaran’. Ini diperkukuhkan lagi pada pemilihan judul novel, iaitu ‘Penyeberang Sempadan’, yang dari segi bahasanya merujuk kepada perbuatan seseorang yang melewati dari satu ‘wilayah’ ke satu ‘wilayah’. Dapat dikatakan bahawa ‘wilayah-wilayah’ ini merujuk kepada ideologi-ideologi intelektual seperti komunisme, sosialisme, demokrasi, selain ajaran Islam itu sendiri. Sehubungan itu juga, Islam yang merupakan agama asal usul protagonis dirujuk sebagai satu ‘kebenaran’, sebagaimana yang dibangkitkan oleh laporan panel dan resepsi kritis. Hakikat bahawa Islam dirujuk sebagai ‘kebenaran’ ini turut diperkukuhkan pada ilustrasi kulit novel yang menghadirkan gambar sebuah kompas, dan warna hijau yang menjadi latar kulit novel. Gambar kompas dapat diterjemahkan sebagai petunjuk yang ‘benar’, manakala warna hijau melambangkan Islam. Adalah signifikan apabila Anwar sendiri turut mengakui bahawa novel *PS* berlegar tentang soal ketuhanan, sebagaimana yang disebutkan, “Ia [*PS*] mengenai pencarian jiwa yang benar dan mutlak. Ia satu proses yang sulit, mencampur aduk soal psikologi, carian ketuhanan...”. Dari aspek-aspek luaran novel ini, dapat dijangkakan bahawa cerita dalam *PS* berlegar tentang keraguan protagonis terhadap Islam, dan kerana itu keluar berkelana dari satu ideologi/‘wilayah’ ke satu ideologi/‘wilayah’, sebelum akhirnya kembali kepada ‘wilayah Islam’ yang menjadi asal usulnya. Ini juga bererti novel telah memetakan ‘laluhan’ (*route*) perjalanan yang bakal dilewati protagonisnya sepanjang

perkelanaannya. Jangkaan ini ternyata benar apabila bacaan awal mendapati kisah dalam *PS* memang berlegar pada paparan cerita tentang perkelanaan protagonisnya, yang diceritakan melewati beberapa sempadan negara, dan justeru bertemu beberapa ideologi, sebelum akhirnya kembali kepada agama asal usulnya yang pada awalnya diragui, dan kemudiannya diyakini sebagai benar. Perjalanan cerita seumpama ini dengan sendirinya membentuk paksi naratif iaitu ‘perkelanaan mencari kebenaran’.

Dengan paksi naratif perkelanaan mencari kebenaran seperti yang dijelaskan di atas, novel sekali gus membentuk ruang naratif yang bermula dengan keraguan protagonis terhadap Islam, dan berakhir dengan kembalinya dia kepada Islam seperti yang akan diperlihatkan dalam analisis di bawah.

#### PENGGEMBLENGAN ISIAN CERITA DALAM *PENYEBERANG SEMPADAN*

Dalam usaha mengejapkan paksi naratifnya iaitu ‘perkelanaan mencari kebenaran’, dan sekali gus mengisi ruang naratifnya, novel didapati menggembleng beberapa alat penceritaan. Antara alat penceritaan yang signifikan digunakan dalam novel ini ialah watak. Analisis makalah ini mendapati novel menghadirkan dalam ruang naratifnya, protagonis bernama Kuay, seorang lelaki yang muda dan cergas fizikalnya (Anwar 2012). Dari segi cerita, soal usia muda dan kecergasan ini penting bagi membolehkan protagonis berkelana untuk melewati laluan perjalanan yang telah dipetakannya itu. Seterusnya, makalah ini mendapati protagonis lahir dan dibesarkan dalam keluarga dan masyarakat Melayu beragama Islam. Ini dengan sendirinya memungkinkan protagonis didedahkan dengan cara didikan yang sudah menjadi sebahagian daripada budaya Melayu, seperti belajar membaca al-Quran dan mempelajari hukum-hukum asas fikah, termasuk cara menguruskan jenazah dan menyembelih haiwan (Anwar 2012). Dapat dikatakan bahawa ‘ilmu’ tentang Islam yang didedahkan kepada protagonis lebih merupakan pengetahuan yang bersifat permukaan (*superficial*). Tahap pengetahuan yang sedemikian menyebabkan Islam pada diri protagonis hadir sebagai satu ritual (perlambangan ibadah) dengan tatacara serta peraturan tertentu, dan tidak menjangkau pada tahap pemahaman dan ilmunya yang mendalam. Ini dapat dilihat menerusi tindakan Kuay yang sukar menerima kematian ayahnya sebagai satu ketentuan Allah SWT, serta

kemunduran umat Islam jika dibandingkan dengan negeri-negeri komunis lain yang dilawati Kuay yang diceritakan telah menggugat keyakinannya terhadap Islam (Anwar 2012). Ini dapat dianggap memanasikan tahap keimanan Kuay yang tipis, disebabkan pengetahuannya tentang Islam yang tidak mendalam. Hal ini memperlihatkan bahawa protagonis dalam *PS* hadir sebagai seorang Islam yang cetek pengetahuan agamanya, dan justeru keimannya tidak didasarkan pada ilmu yang mantap sehingga mendorongnya kepada ideologi-ideologi selain Islam. Akan tetapi, seperti yang telah dinyatakan dari segi fizikalnya, protagonis memiliki tubuh badan yang cergas dan tahan lasak. Penting difahami bahawa dengan kecetakan pengetahuan protagonis tentang Islam, tetapi cergas tubuh badannya, novel dengan sendirinya memungkinkan protagonis untuk keluar dari ‘wilayah Islam’ yang menjadi asal usulnya. Hal ini sekali gus menjejaskan paksi naratif iaitu ‘perkelanaan mencari kebenaran’.

Dalam konteks pengejapan paksi naratif ini juga, novel turut melengkapkan protagonis dengan dua ciri perwatakan penting, iaitu mudah terpengaruh dan goyah pendirian. Kedua-dua ciri ini saling menyumbang dalam memungkinkan protagonis untuk meninggalkan ‘wilayah Islam’ yang menjadi asal usulnya, dan mendekati ideologi atau ‘wilayah’ yang baru. Justeru, novel berupaya mengisi ruang naratifnya dengan cerita-cerita kedaifan hidup masyarakat Islam di Tanah Melayu, yang menyebabkan protagonis goyah pendirian agamanya. Dengan kata lain, protagonis menganggap Islam tidak dapat menjamin kesejahteraan hidup manusia. Keraguannya terhadap Islam ini kemudiannya diganti dengan minatnya terhadap ideologi komunisme. Dalam ‘wilayah komunisme’, ruang naratif diisi dengan cerita-cerita protagonis menyertai angkatan gerila seperti Anggota Pemuda Insaf, perkenalannya dengan Pak Suparto, penyertaannya secara rasmi dalam Parti Komunis Malaya, dan pelantikannya sebagai wakil komunis Malaya ke China (Anwar, 2012). Dari segi latar cerita, perkembangan cerita yang sedemikian memungkinkan latar beralih dari Tanah Melayu ke China. Seterusnya, sifat goyah pendirian yang ada pada protagonis turut memungkinkan dia kemudiannya juga hilang keyakinan terhadap ‘wilayah komunisme’ pimpinan Pengerusi Mao, yang dianggapnya tidak menjanjikan keadilan yang diimpikan, sebagaimana yang disebutkan, “Elit pemerintahlah yang hidup mewah dan lebih

senang. Kepintaran dan genius dalam kalangan rakyat direndahkan dan disamaratakan atas nama komunal” (Anwar 2012: 337). Ini menyebabkan Kuay kemudiannya terdorong untuk meninggalkan ‘wilayah komunisme’, untuk mendekati ‘wilayah’ yang lain iaitu ‘wilayah sosialisme’ yang kemudiannya diyakini dapat berlaku adil kepada rakyat. Dalam ‘wilayah sosialisme’, ruang naratif seterusnya diisi dengan cerita-cerita perkelanaan protagonis di Rusia dan pertemuannya dengan Helena. Ini jelas menerusi cerita pengalaman protagonis melihat kemewahan hidup golongan tani dan perkenalannya dengan kesusasteraan Rusia (Anwar 2012). Dari segi fizikal, perkembangan cerita pada tahap ini memungkinkan latar cerita beralih dari China ke Rusia. Sekali lagi, sifat goyah pendirian juga memungkinkan protagonis hilang minat terhadap ‘wilayah sosialisme’ setelah dia disedarkan oleh Helena tentang realiti masyarakat yang daif di bawah lembayung ideologi itu, sebagaimana yang disebutkan, “Tahulah aku betapa selama ini, ketika aku menginap di rumah-rumah petani, ketika aku hadir sebagai tamu Rusia, makanan mewah itu sekadar satu propaganda dan mengabui situasi sebenar” (Anwar 2012, : 235-236). Ini menyebabkan protagonis selepas itu tertarik untuk mendekati ‘wilayah’ yang lain iaitu ‘wilayah demokrasi’ yang dipercayainya lebih adil. Dalam ‘wilayah demokrasi’, ruang naratif diisi dengan cerita-cerita perkelanaannya di Amerika Syarikat, dan pertemuannya dengan watak Shafi’aa. Ini jelas apabila novel menceritakan tentang peranan dan aktiviti Kuay sebagai anggota parti prodemokrasi, dan penyelesaian hidupnya di sana (Anwar 2012). Sekali lagi juga, dari segi fizikal, perkembangan cerita pada tahap ini memungkinkan cerita beralih, dan kali ini protagonis dari Rusia ke Amerika Syarikat. Dalam ‘wilayah demokrasi’ ini, sifat goyah pendirian protagonis memungkinkannya untuk turut hilang minat terhadap ‘wilayah demokrasi’. Ini diceritakan terjadi apabila dia diyakinkan oleh Shafi’aa bahawa ideologi-ideologi buatan manusia seperti komunisme, sosialisme, dan demokrasi mempunyai kelemahan dan tidak menjanjikan keadilan yang abadi. Ini menyebabkan Kuay selepas itu insaf untuk kembali ke ‘wilayah Islam’ yang merupakan agama asal usulnya. Dari segi fizikal, perkembangan cerita ini memungkinkan latar cerita beralih dari Amerika Syarikat untuk kembali ke latar Tanah Melayu. Untuk itu, ruang naratif seterusnya diisi dengan cerita-cerita tentang usaha protagonis untuk mendekati diri dengan Islam, kembalinya

ke Tanah Melayu. Sebagai contoh, adalah usaha protagonis membangunkan tanah miliknya bagi tujuan pembangunan fizikal dan spiritual Islam (Anwar 2012). Lebih signifikan lagi, kembalinya dia ke 'wilayah Islam', Kuay menikahi Shafi'aa, iaitu gadis yang bertanggungjawab menyedarkannya tentang kepalsuan 'wilayah-wilayah' buatan manusia, dan kebenaran Islam (Anwar 2012). Kembalinya dia ke 'wilayah Islam' yang merupakan agama asal usulnya itu, bererti protagonis telah melewati dan melengkapkan 'lalu perjalan' (*route*) yang sudah sedia dipetakan itu, dan sekali gus menamatkan perkelanaannya. Apa yang penting difahami di sini adalah bagaimana sifat protagonis yang mudah terpengaruh dan goyah pendirian itu, memungkinkan dia berpindah dari satu ideologi/'wilayah', ke satu ideologi/'wilayah' yang lain. Perpindahan ideologi/'wilayah' protagonis ini dengan sendirinya memungkinkan cerita untuk bergerak, berkembang dan seterusnya dikekalkan pergerakannya hingga ke akhir cerita.

Analisis makalah ini turut mendapati bahawa dalam melicinkan perkelanaan protagonis seperti di atas, novel turut menghadirkan ke dalam ruang naratifnya beberapa watak sampingan. Watak-watak ini rata-rata berperanan sebagai ejen yang mendorong protagonis untuk keluar dari 'wilayah' yang sedang diyakininya, dan seterusnya menuju ke 'wilayah' yang baru. Watak-watak ini merujuk kepada Pak Suparto, Pengerusi Mao, Helena, dan Shafi'aa. Untuk itu, watak-watak ini memainkan peranan yang berkesan sama ada dalam memperagakan kemulukan ideologi yang baru (belum diyakini oleh protagonis), atau mencetuskan keraguan terhadap ideologi yang sedang diyakini oleh protagonis. Umpamanya, watak Pak Suparto (yang hadir ketika protagonis meyakini 'wilayah Islam') memainkan peranan dalam memperagakan kemulukan ideologi komunisme, dan sekali gus menggugat pegangan protagonis terhadap Islam. Begitu juga, watak Pengerusi Mao (hadir ketika protagonis berada dalam 'wilayah komunisme') yang berperanan mencetuskan perasaan protagonis yang berasa terpinggir, lantas hilang keyakinan terhadap ideologi komunisme. Demikian juga peranan watak Helena (hadir dalam 'wilayah sosialisme') dalam mencetuskan keraguan protagonis terhadap sosialisme, dengan mendedahkan kepadanya realiti kedaifan rakyat yang hidup di bawah ideologi itu. Akhir sekali ialah watak Shafi'aa (yang hadir dalam 'wilayah Islam') yang memainkan peranan

dalam menimbulkan keraguan protagonis terhadap ideologi demokrasi dan ideologi-ideologi buatan manusia yang lain, dan sekali gus mengembalikan semula keyakinannya terhadap Islam. Adalah jelas bahawa, pengisian watak-watak sampingan dalam ruang naratif novel, diperuntukkan dengan peranan sebagai ejen bagi mendorong protagonis keluar dari 'wilayah' yang diyakininya, dan seterusnya berkelana ke 'wilayah' yang baru. Perkelanaan dari satu 'wilayah' ke satu 'wilayah' inilah yang akhirnya memungkinkan protagonis kembali kepada Islam, yang diyakininya sebagai satu ajaran yang benar, dan sekali gus menjejapkan lagi paksi naratif 'perkelanaan mencari kebenaran'.

Dalam konteks pengejapan paksi naratif dan ruang naratif, makalah ini turut mengesan satu lagi penggemblengan alat penceritaan, iaitu plot atau rangkaian yang mengikat peristiwa-peristiwa yang akhirnya membina sebuah cerita. Dalam *PS*, struktur plot yang dipilih adalah bersifat kronologi, iaitu merujuk kepada perkembangan cerita yang bermula dengan pengenalan cerita dan diakhiri dengan kesudahan cerita yang hanya diketahui pada bahagian akhir novel. Dalam menggembleng plot yang bersifat kronologi ini, analisis ini mendapati novel membahagikan plotnya kepada beberapa bahagian tertentu. Adalah signifikan apabila bahagian-bahagian dalam plot ini disempadani oleh agama/ideologi yang berbeza iaitu Islam, komunisme, sosialisme dan demokrasi. Ini dengan sendirinya mewujudkan apa yang sedia diungkapkan sebelumnya sebagai 'wilayah Islam', 'wilayah komunisme', 'wilayah sosialisme' dan 'wilayah demokrasi'. Kewujudan 'wilayah-wilayah' yang disempadani oleh perbezaan agama/ideologi ini kemudiannya diikat dengan hukum sebab-akibat (*cause and effect*). Ikatan antara 'wilayah-wilayah' yang berbeza ini dimungkinkan dengan perkelanaan protagonis yang menyeberang dari satu sempadan 'wilayah' ke 'wilayah' yang lain. Dengan kata lain, perkelanaan protagonis ini menjadi mekanisme penting yang mengikat, dan sekali gus memperkukuhkan plot novel. Ikatan dan struktur plot yang sedemikian ini jelas tergambar pada judul novel itu sendiri iaitu *Penyeberang Sempadan*, yang merujuk kepada perkelanaan protagonis yang menyeberangi satu 'wilayah' ke 'wilayah' yang lain. Tidak kurang penting ialah pemilihan struktur plot yang bersifat kronologi, yang dengan sendirinya memetakan laluan perkelanaan dalam satu bulatan, yang bermula dengan 'wilayah Islam', diikuti dengan



‘wilayah komunisme’, diikuti dengan ‘wilayah sosialisme’, diikuti dengan ‘wilayah demokrasi’, dan akhirnya kembali semula ke ‘wilayah Islam’.

Dengan struktur plot sedemikian, novel memulakan ceritanya dengan ‘wilayah Islam’ yang diisi dengan maklumat tentang latar belakang protagonis yang lahir dalam keluarga Islam, kematian ayahnya dan kemunduran umat Islam di Tanah Melayu, yang kedua-duanya dijadikan sebagai sebab (*cause*) yang mengakibatkan (*effect*) goyahnya keyakinan protagonis terhadap Islam. Kegoyahan terhadap Islam ini diperkuatkan lagi dengan tarikan terhadap ideologi komunisme yang diperkenalkan kepadanya melalui watak Pak Suparto. Goyahnya keyakinan protagonis ini kemudiannya dijadikan sebagai sebab (*cause*) yang mengakibatkan (*effect*) dia keluar dari ‘wilayah Islam’, dan menyeberang ke ‘wilayah komunisme’ untuk mencari ‘kebenaran’. Seterusnya, ‘wilayah komunisme’ ini diisi dengan cerita tentang pengalaman protagonis menyertai Parti Komunis di China, yang seterusnya menimbulkan rasa tidak puas hatinya kerana layanan berat sebelah Pengerusi Mao. Rasa tidak puas hati ini kemudiannya dijadikan sebagai sebab (*cause*) yang mengakibatkan (*effect*) dia keluar dari ‘wilayah komunisme’, dan menyeberang ke ‘wilayah sosialisme’, dalam usahanya untuk mencari ‘kebenaran’. Seterusnya, ‘wilayah sosialisme’ ini pula diisi dengan cerita tentang pengalaman protagonis berkenalan dengan Helena, yang melaluinya Kuay berpeluang menyaksikan kedaifan masyarakat Rusia yang hidup di bawah lembayung sosialisme. Pengalaman ini kemudiannya dijadikan sebab (*cause*) yang mengakibatkan (*effect*) dia keluar dari ‘wilayah sosialisme’, dan menyeberang ke ‘wilayah demokrasi’, untuk mencari ‘kebenaran’. Seterusnya, ‘wilayah demokrasi’ ini pula diisi dengan cerita tentang perkenalan protagonis dengan watak Shafi’aa, yang melaluinya pula protagonis berpeluang menyaksikan kehancuran moral masyarakat Amerika di bawah lembayung demokrasi. Perkenalan Kuay dengan Shafi’aa ini dijadikan sebab (*cause*) yang mengakibatkan (*effect*) timbulnya keraguannya terhadap ideologi demokrasi, dan seterusnya mendorong dia keluar dari ‘wilayah demokrasi’, dan protagonis menyeberang, dan kembali ke ‘wilayah Islam’. Penting dijelaskan bahawa ‘wilayah Islam’ ini kemudiannya diyakini sebagai satu agama yang benar, dan justeru menemukannya dengan kebenaran yang dicarinya itu. Ini sekali gus menamatkan perkelanaan

protagonis. Kembalinya protagonis ke ‘wilayah Islam’ ini diisi dengan kesudahan cerita tentang pernikahannya dengan Shafi’aa, iaitu wanita yang menyedarkannya tentang kebenaran Islam.

Dengan kesudahan cerita yang sedemikian, novel sekali gus melengkapkan struktur plotnya yang dibina dengan ikatan hukum sebab-akibat (*cause and effect*) yang mengikat ‘wilayah-wilayah’ yang berbeza-beza itu. Ikatan antara ‘wilayah-wilayah’ itu distrukturkan secara kronologi (berbentuk bulatan), yang bermula daripada ‘wilayah Islam’, dan berakhir kembali ke ‘wilayah Islam’ semula. Struktur sedemikian turut menjelaskan bahawa kehadiran ‘wilayah-wilayah’ ini dalam ruang naratif adalah hanya sebagai ‘lokasi persinggahan’ laluan protagonis dalam perkelanaannya. Apa yang penting difahami ialah plot dalam *PS* dimanipulasi bagi memungkinkan cerita untuk tercetus, bergerak dan dikekalkan pergerakannya dari satu ‘wilayah’ ke ‘wilayah’ yang lain, dan sekali gus berhasil membina sebuah cerita yang mantap.

Analisis makalah pada tahap ini dapat dikatakan telah berkesan mengenal pasti dua alat penceritaan iaitu watak dan plot, yang dimanipulasikan sepenuhnya bagi mengisi ruang naratif *PS*. Manipulasi kedua-dua alat penceritaan ini memungkinkan cerita untuk mengejapkan paksi naratifnya, iaitu ‘perkelanaan mencari kebenaran’. Lebih signifikan lagi ialah soal manipulasi alat-alat penceritaan seperti watak dan plot, yang memungkinkan cerita dalam *PS* tercetus, berkembang dan dikekalkan perkembangannya itu sehingga ke akhir cerita. Ini bererti, *PS* dibangunkan melalui manipulasi cerita. Kesimpulan ini mengundang perbincangan tentang kedudukan novel yang diperagakan oleh beberapa pengkaji sastera sebagai sebuah ‘novel wacana’, seperti yang dinyatakan lebih awal. Seperti yang telah dijelaskan lebih awal, *LHSPM 2012* antara lain memperakukan *PS* sebagai novel yang mengajukan ‘wacana ideologi’, sebagaimana yang dilaporkan, “Struktur naratif novel ini berbentuk pengembaraan dan ia sarat dengan wacana ideologi dan hakikat sejarah Tanah Melayu daripada perspektif baharu”. Hal yang sama turut diperakukan Mohd. Hanafi (2013) yang memperakukan *PS* sebagai sebuah ‘novel wacana’ berdasarkan kepada ideologi-ideologi yang diceritakan dalam novel seperti komunisme, sosialisme dan demokrasi, sebagaimana yang ditulisnya, “Ideologi komunisme, sosialisme dan demokrasi dibahaskan .... [Pelbagai] bentuk kepalsuan dogma dan isme telah dikemukakan”

(Anwar 2013: 11)”. Perakuan ini turut disokong oleh S.M. Zakir yang cenderung melabelkan *PS* sebagai ‘novel intelektual’ dan ‘novel ilmu’ yang mengangkat Islam sebagai agama yang benar, sebagaimana yang ditulisnya:

Anwar Ridhwan secara tegas dan tuntas meletakkan Islam sebagai ukuran kebenaran kepada perjuangan manusia untuk membebaskan diri mereka bukan sahaja terhadap penjajahan fizikal tetapi juga penjajahan ideologi duniawi. Matlamat pemikiran beliau [Anwar Ridhwan] dalam *Penyeberang Sempadan* ialah untuk memperlihatkan ukuran kebenaran Islam yang mutlak (Zakir 2014: 76).

Merujuk kepada perakuan para pengkaji di atas, dapat dikatakan bahawa apa yang diungkapkan sebagai ‘novel wacana’, ‘novel ilmu’ dan ‘novel intelektual’ itu, rata-rata bersandarkan kepada cerita-cerita yang dipaparkan dalam *PS*. Ini jelas apabila *LHSPM 2012*, selain tulisan Mohd. Hanafi dan S.M. Zakir sendiri, rata-rata menjadikan cerita perkelanaan protagonis sebagai manifestasi hadirnya perbahasan dan wacana ilmiah tentang pelbagai ideologi. *LHSPM 2012* umpamanya, mengupas soal wacana dalam *PS* seperti berikut:

*Penyeberang Sempadan* membawa persoalan mengenai pergelutan diri seorang pemuda Melayu, Kuay, yang terjebak dalam gerakan nasionalisme Melayu dan akhirnya menjadi buruan pihak Inggeris. Kuay lari membawa diri menyeberangi sempadan hingga ke China, Russia, New York, Kaherah dan Amman. Di sepanjang kembara tersebut, dia dihadapkan dengan pengalaman dan ideologi bawaan negara timur dan barat. Sebagai anak muda, dia mudah dipengaruhi dengan slogan dan propaganda ideologi seperti komunisme, sosialisme dan demokrasi. Namun pengalaman yang diharungi sendiri di tempat orang dalam kehidupan berasaskan ideologi yang dilaungkan tersebut, tidaklah semanis retorik dan propaganda perjuangan mereka. Watak Kuay kemudian diinsafkan secara berhikmah oleh Shaf’iaa, iaitu seorang gadis Palestin yang dikenali semasa tinggal di Amerika, dengan penekanan terhadap Islam sebagai petunjuk jalan kehidupan terbaik, berbanding dengan pelbagai ideologi ciptaan manusia (*LHSPM 2012*: 18-19).

Dapat dikatakan bahawa jelas daripada petikan di atas bagaimana aspek-aspek yang diutarakan sebagai ‘wacana’ tentang ideologi merupakan alat-alat penceritaan yang hadir dan dimanipulasikan dalam novel bagi membangunkan cerita seperti yang dinyatakan dalam petikan di atas. Ini dapat dilihat apabila *LHSPM 2012* antara lain menyebut tentang watak, latar, konflik (disebut sebagai ‘pergelutan’) dan plot (disebut sebagai ‘kembara’). Adalah jelas bahawa kutipan di atas tidak sedikit pun membangkitkan keupayaan novel dalam membahaskan ideologi-ideologi

yang dihadirkan dalam cerita, dan menghujahkan secara tuntas soal ‘kebenaran’nya. Sebagaimana yang telah disimpulkan di atas, analisis makalah ini memperlihatkan bahawa ideologi komunisme, sosialisme, demokrasi, termasuklah agama Islam itu sendiri, dalam novel *PS* ini hanya hadir sebagai ‘wilayah’ yang menjadi ‘lokasi persinggahan’ laluan protagonis dalam perkelanaannya. Ini tergambar apabila dalam perkelanaannya itu, ideologi-ideologi tersebut hanya dimanifestasikan pada paparan cerita-cerita tentang pergolakan politik dalam parti, dan kedaifan, penindasan dan keruntuhan moral dalam masyarakat. Analisis makalah ini juga telah mengenal pasti bahawa wacana dalam pengertiannya (PB) sebagai idea-idea ilmiah yang dibangunkan secara sistematik menerusi penghujahan, analisis dan pengukuhan, tidak mengisi ruang naratif *PS*. Dengan kata lain, *PS* tidak memperlihatkan ciri-ciri yang dapat mewajarkannya dilabelkan sebagai ‘novel wacana’ atau ‘novel intelektual’. Ini sekali gus mengundang persoalan terhadap kenyataan Mohd. Hanafi, S.M Zakir dan Mohamad Rosmizi et al., seperti yang telah dibincangkan pada bahagian awal makalah ini.

Justeru, dapat dikatakan bahawa apa yang dirujuk oleh para pengkaji di atas sebagai ‘wacana’ dan sifat ‘intelektual’ itu, pada hakikatnya hanya alat-alat penceritaan seperti watak dan plot, dan bukannya wacana dalam idea-idea ilmiah yang dibangunkan secara sistematik menerusi aspek penghujahan, analisis dan pengukuhan. Dengan kata lain, yang diperagakan novel ialah cerita dan bukannya wacana.

#### PENILAIAN MORAL CERITA DALAM *PENYEBERANG SEMPADAN*

Perbincangan dalam makalah ini seperti di atas telah mengenal pasti bahawa cerita merupakan satu-satunya isian yang dimanipulasikan bagi membangunkan novel *PS*. Sehubungan itu, perbincangan seterusnya tertumpu kepada soal penilaian moral cerita yang berdasarkan kerangka Islam. Kewajaran *PS* dibaca dalam kerangka Islam ini adalah bersesuaian dengan kedudukan Anwar sebagai novelis yang beragama Islam, dan justeru memperakukan teras Islam sebagai unsur yang mempengaruhi penulisannya. Ini ditambahkan lagi dengan inti pati pidato Anugerah Sastera Negara (2009), yang menjelaskan perakuan Anwar sendiri tentang Islam sebagai teras yang mendasari tradisi kesusasteraan Melayu, seperti yang diungkapkan

Anwar dalam *Pidato Penerimaan Anugerah Sastera Negara*, seperti dalam petikan di bawah:

Sastera itu adab persuratan,  
Pelbagai makna serta tafsiran,  
Namun bakat serta indah penulisan,  
Tentang Tuhan, makhluk-Nya dan pemikiran.

Bakat dan karya ada tanggungjawabnya,  
Berbuat di dunia balasannya di alam baqa,  
Diingatkan Allah menjadi khalifah-Nya,  
Bantu membimbing umat manusia.

Hindari kutukan kepada penyair sesat,  
Dalam al-Syu'ara' telah tersurat,  
Yang ditulis benar itulah diperbuat,  
Taqwa itu memandu pena menyurat.

(Anwar 2009)

Walau bagaimanapun, analisis makalah ini mendapati bahawa di sebalik perakuan Anwar itu, pemerhatian di atas dapat mengenal pasti bahawa cerita merupakan satu-satunya isian yang dimanipulasikan untuk membangunkan *PS*. Oleh itu, perbincangan seterusnya tertumpu kepada soal penilaian moral cerita berdasarkan falsafah *taklif*. Kewajaran *PS* dibaca dalam kerangka Islam ini bersesuaian dengan perakuan laporan panel, pengkaji sastera dan pengakuan Anwar sendiri bahawa *PS* merupakan novel yang membahaskan tentang kebenaran Islam. Sebaliknya, makalah ini mendapati *PS* pada dasarnya tidak memperagakan nilai-nilai yang dapat dikaitkan dengan kebenaran ajaran Islam secara jelas, terutamanya dari segi pemeragaan protagonis yang menerajui cerita. Ini dapat dilihat apabila novel mengisi ruang naratifnya dengan protagonis yang cetek pengetahuannya tentang ajaran Islam, dan justeru tidak memungkinkan dia untuk membawa wacana tentang kebenaran Islam. Seperti yang telah dinyatakan, dari segi cerita, perwatakan protagonis yang jahil ini signifikan bagi membolehkannya keluar dari 'wilayah Islam', dan justeru berkelana ke 'wilayah-wilayah' bukan Islam. Dalam perkelanaan di 'wilayah-wilayah' bukan Islam ini, protagonis dipertemukan dengan watak-watak yang bukan sahaja tidak meyakini, tetapi juga menentang ajaran Islam seperti Pengerusi Mao (dalam 'wilayah komunisme') dan Helena (dalam 'wilayah sosialisme'). Ini dengan sendirinya tidak memungkinkan kehadiran wacana-wacana tentang kebenaran Islam. Malah, ketika berada dalam 'wilayah-wilayah' bukan Islam inilah, cerita memaparkan perbuatan protagonis yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti

meninggalkan solat lima waktu (dengan alasan keselamatan), sebagaimana yang diceritakan novel:

Bukan sejak berada di China sahaja. Malah sejak sekian lama setelah menyertai Rejimen ke-10. Aku tidak sembahyang! Bagaimana hendak sembahyang di hutan apabila musuh boleh menyerang pada bila-bila masa? Macam mana hendak menunaikan solat di tengah-tengah anggota pejuang Melayu yang tidak pernah solat? (Anwar 2012: 133).

Turut melemahkan moral cerita ialah sebab (*cause*) yang mengakibatkan (*effect*) kembalinya protagonis kepada Islam, iaitu kecenderungannya terhadap Shafi'aa yang turut dipengaruhi oleh perasaan cintanya terhadap gadis itu. Dengan kata lain, sebab kembalinya protagonis ke 'wilayah Islam' bukan didorong oleh kecenderungannya yang menyeluruh untuk mendalami ajaran Islam, sebaliknya kerana keperibadian watak Shafi'aa, sebagaimana yang turut digambarkan novel:

Shafi'aa hanya tunduk mendengar kata-kataku. Ataukah kerana dia wanita yang mula kukagumi? Lantaran itu segala perasaan bawah sedarku telah aku apungkan melalui kata-kata. Ucapan yang cuba memancing perhatiannya.... Mungkinkah, cengkerik jantan ini mula berasa akan kehadiran cengkerik betina di hadapannya. Suatu keinginan batin yang telah ditebat selama beberapa dekad, mulai rekah tebatannya?... Shafi'aa belum berumah tangga. Aku tidak tahu kenapa wanita Arab yang kukira cantik itu, bertubuh sederhana, tingginya mungkin lima kaki empat inci, belum bertemu jodoh.... Aku senang sekali kalau berbual-bual dengan dia (Anwar 2012: 354, 357).

Hakikat bahawa perasaan cinta Kuay terhadap Shafi'aa menjadi motif dominan yang mendorong kepulangannya ke 'wilayah Islam' adalah jelas apabila selepas perkahwinannya dengan Shafi'aa, wacana tentang kebenaran Islam yang abadi dan soal kepalsuan ideologi buatan manusia tidak lagi dibangkitkan hingga kesudahan cerita. Dalam konteks inilah, kenyataan *LHSPM 2012*, S.M. Zakir, Mohamad et al., dan pengakuan Anwar sendiri bahawa *PS* mengutarakan idea tentang kebenaran Islam (ketuhanan) menimbulkan tanda tanya. Hal ini kerana adalah jelas bahawa apa yang diungkapkan oleh *LHSPM 2012*, Zakir, dan Mohamad et al. sebagai 'idea tentang kebenaran Islam', 'ketuhanan' dan 'nilai', yang juga seperti disebutkan Anwar, pada hakikatnya merujuk kepada bahagian kesudahan cerita yang mengembalikan protagonis kepada 'wilayah Islam'. Ini sekali lagi memperlihatkan bahawa, hujah-hujah yang mengungkapkan *PS* sebagai sebuah 'novel wacana', 'novel intelektual',

atau ‘novel ilmu’, pada dasarnya bersandarkan kepada isian cerita, dan bukannya isian wacana seperti yang dikonsepsikan oleh PB sebagaimana yang telah dijelaskan pada bahagian pengenalan. Dalam konteks penilaian moral cerita, manifestasi ‘Islam’ yang hanya disandarkan pada bahagian kesudahan cerita, adalah jelas tidak memperkukuhkan Islam atau wacana falsafah Islam sebagai agama yang benar seperti yang digembar-gemburkan tentang novel *Penyeberang Sempadan*.

## PENUTUP

Dengan menerapkan kerangka gagasan Persuratan Baru, analisis makalah ini terhadap novel *Penyeberang Sempadan* menghasilkan beberapa dapatan penting. Ini antaranya merujuk kepada paksi naratif novel ini yang didapati berlegar pada soal kejahilan dan keingkaran manusia. Dalam usaha mengejapkan paksi naratif ini, novel dilihat telah mengisi ruang naratifnya dengan alat-alat penceritaan yang digembleng seiring dengan tuntutan paksi naratif. Antara alat penceritaan yang digunakan ialah watak dan perwatakan. Sejajar dengan paksi naratif yang berlegar soal kejahilan manusia, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa novel menghadirkan watak protagonis iaitu Kuay, orang jahil yang hilang keyakinan terhadap agama. Bagi menyerlahkan lagi aspek kejahilan, novel didapati turut menghadirkan sejumlah watak sampingan yang turut jahil dan keliru seperti pengerusi Mao. Makalah ini mendapati bahawa strategi penggembengan watak dan perwatakan sedemikian memungkinan ruang naratif novel sarat diisi dengan manifestasi kezaliman manusia, baik menerusi paparan fizikal mahupun emosi watak-watak.

Perlu ditekankan bahawa, dalam konteks falsafah *taklif* yang mendasari gagasan Persuratan Baru (sebagai kerangka analisis), kehadiran watak-watak seperti di atas, dengan sendirinya meletakkan watak-watak tersebut sebagai watak-watak pinggiran yang jahil, keliru dan lemah. Ini dengan sendirinya tidak memberi ruang kepada kehadiran idea-idea intelektual, pemikiran dan wacana yang ilmiah sifatnya, yang kehadirannya hanya dapat ditampung oleh watak-watak bermoral tinggi, bijaksana, serta mempunyai keperibadian yang kuat. Ini bererti, ruang naratif novel *Penyeberang Sempadan* tidak mengandungi wacana ilmiah. Oleh itu, makalah ini mendapati bahawa apa yang diperagakan oleh beberapa sarjana serta pengkaji sastera sebagai ‘pemikiran’, ‘wacana’ atau

‘falsafah’, pada dasarnya hanya merujuk kepada manifestasi-manifestasi cerita yang lahir daripada tindak-tanduk, dan ekspresi fizikal serta emosi watak-watak.

Novel ini turut menyerlahkan kecenderungan dalam memanipulasi elemen pembikinan plot yang tertentu sebagai strategi penceritaan. Manipulasi ini jelas apabila novel distrukturkan dengan plot yang bersifat kronologi. Penstrukturan plot yang sedemikian ini diperkemas dengan strategi pembikinan plot yang dibikin secara bertahap-tahap. Selain itu, novel turut menyerlahkan kecenderungan yang ketara dalam menerapkan teknik penceritaan tertentu seperti menghadirkan fragmen-fragmen yang mewakili latar-latar tertentu. Penting untuk dijelaskan bahawa strategi serta teknik penceritaan yang diterapkan dalam novel, merupakan strategi serta teknik penceritaan yang sudah lazim diguna pakai dalam kegiatan penulisan fiksi di Barat, sebagaimana yang diperakukan oleh beberapa sarjana dan pengkritik sastera, selain oleh Anwar sendiri. Lanjutan itu, apa yang penting untuk disimpulkan adalah terserlahnya kecenderungan novel-novel yang dikaji dalam membangunkan cerita melalui penerapan strategi serta teknik penceritaan. Sebagaimana yang telah diperlihatkan, penerapan strategi dan teknik penceritaan ini dianggap oleh sebahagian besar sarjana serta pengkaji sastera sebagai satu kelainan yang menjadi kekuatan novel yang dikaji. Lebih signifikan lagi adalah apabila penerapan strategi dan teknik penceritaan ini turut dianggap sebagai manifestasi intelektualisme dalam novel Anwar yang dikaji ini. Dalam konteks Persuratan Baru, apa yang ketara daripada manipulasi alat-alat penceritaan ini adalah kecenderungan untuk menghadirkan serta memperhebatkan cerita, dan bukannya idea-idea intelektual itu sendiri.

Selain itu dan tidak kurang pentingnya, ialah manifestasi cerita itu sendiri. Penerapan falsafah *taklif* yang mendasari gagasan Persuratan Baru tidak dapat memperakukan pandangan hidup dan falsafah yang terjelma daripada manifestasi-manifestasi cerita dalam *Penyeberang Sempadan*. Ini merujuk kepada manifestasi kekeliruan dan kekaburan aspek moral (*moral ambiguity*) yang dimanifestasikan secara jelas menerusi protagonis yang jahil dan menjalani kehidupan yang bertentangan dengan agama. Hal ini dianggap melemahkan lagi novel *Penyeberang Sempadan*, hatta dalam kedudukannya sebagai sebuah cerita.

## RUJUKAN

- Ahmad Kamal Abdullah. 1993. *Jambak 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. 1974. *Gagasan dan Pelaksanaan: Demi Kebebasan*. *Dewan Bahasa*, 590.
- Anwar Ridhwan. 1999. *Jati Diri Pasca Asas 50*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. 2009. *Pidato Anugerah Sastera Negara Ke-10*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. 2012. *Penyeberang Sempadan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. 2013. Kritikan Sastera *Penyeberang Sempadan* Bebas Cengkaman Barat: Sarjana Tempatan Cipta Teori Dipuji. *Berita Harian*. 22.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara*. 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia*. 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Rosmizi et al. 2020. Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan. *Jurnal PENDETA* (11): 68-87.
- Mohd. Affandi Hassan. 2005. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tāuhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Hanafi Ibrahim. 2013. Bau yang Menjejaki dan Bau yang Menjebak dalam *Penyeberang Sempadan*. Makalah dibentangkan dalam Seminar Pemikiran 6 Sasterawan Negara. Anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Mac 2013.
- S.M. Zakir. 2014. Karya dan Kekuasaan Pengarang. *Jurnal Melayu* 12(1): 70-81.

Nur Fatiha Fadila Abu Bakar  
 Jabatan Bahasa Melayu  
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
 Universiti Putra Malaysia  
 Email: wardahmunirah@gmail.com